

Panel penyerap bunyi tersebut merupakan antara 11 produk Unimas yang memenangi Anugerah Emas dalam Pameran Reka Cipta Britain (BIS) yang berlangsung di London, United Kingdom (UK) baru-baru ini.

Selain Zainab yang bertindak sebagai ketua, kumpulan penyelidik tersebut terdiri daripada Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman, Mohd. Hasnain Hussain, Norhaizat Sundin dan Vannessa Lawai.

Dalam pada itu, Zainab memberitahu, penghasilan panel berkenaan hanya melalui proses ringkas mencampurkan hampas sagu dengan polisterina menggunakan bahan berasaskan fosforus.

"Kandungan fosforus yang ada di dalamnya menyebabkan panel ini tidak mudah dimakan anai-anai dan dengan hanya menggunakan peralatan di makmal, kami dapat menghasilkan 100 kepingan panel dalam masa sejam," katanya.

Menurut Zainab, pihaknya kini dalam proses mempatenkan panel tersebut di samping mendapatkan syarikat swasta yang berminat menjalinkan kerjasama membantu mereka mengeluarkan produk berkenaan di pasaran tempatan.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121109/dn_21/Unimas-hasilkan-panel-penyerap-bunyi-hampas-sagu#ixzz2DoDXciHV
© Utusan Melayu (M) Bhd

ARKIB : 09/11/2012

Share on facebookShare on twitterShare on emailShare on printMore Sharing Serviceso

Unimas hasilkan panel penyerap bunyi hampas sagu



Zainab Ngaini (kiri) menunjukkan panel penyerap bunyi yang kalis api yang diperbuat daripada hampas sagu di Kota Samarahan, Kuching, semalam.

KUCHING 8 Nov. - Hampas sagu yang sebelum ini dibuang begitu sahaja telah dimanfaatkan tiga penyelidik Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) untuk menghasilkan panel penyerap bunyi kalis api.

Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Prof. Madya Dr. Zainab Ngaini berkata, panel ciptaan mereka itu sesuai dijadikan bahan alternatif melapisi dinding dewan, bilik atau studio muzik.

"Panel ini juga mempunyai struktur berongga yang tidak larut dalam cecair. Panel ini akan kering dengan cepat apabila terkena air tanpa meninggalkan bau busuk. Panel itu juga 51 peratus lebih ringan berbanding mana-mana panel penyerap bunyi lain yang ada di pasaran.

"Paling penting, kos menghasilkannya amat rendah kerana berasal daripada bahan buangan iaitu hampas sagu sekali gus membolehkannya menjadi bahan pelapis dinding yang amat menjimatkan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.